

20 AUG 2001

Mahathir-Salah Lapor

SALAH LAPOR JEJASKAN PELABURAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KAMPALA, 20 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur media asing kerana terus-menerus menyiarkan laporan buruk mengenai Malaysia dan Afrika yang telah mengusir para pelabur berpotensi.

"Beranikan diri untuk membuat laporan mengenai perkara baik yang berlaku di dalam negara, nyatakan yang benar," katanya semasa sesi interaksi antara ketua-ketua kerajaan dan media pada Dialog Antarabangsa Perkongsian Bijak Global 2001 pada Ahad.

"Jika mereka mahukan kebenaran, maka media asing harus bersedia menyiarkan perkara yang benar," katanya.

Sesi interaksi itu yang telah menjadi ciri tetap pada dialog perkongsian bijak yang memberikan peluang kepada para pemimpin mengajukan soalan kepada wartawan, menyaksikan beberapa kritikan tajam yang dilemparkan kepada media, mengenai apa yang para pemimpin itu dakwa sebagai melaporkan separuh kebenaran daripada menyiarkan keseluruhan cerita.

Beliau berkata Smart News Network International (SNNi) yang akan dilancarkan pada Isnin akan menyediakan laporan alternatif mengenai berita yang sama.

Di bawah SNNi, empat pertubuhan media di Malaysia dan tiga di Afrika akan buat permulaan mengedarkan bahan berita kepada satu portal Internet.

Dr Mahathir berkata SNNi akan memasukkan kedua-dua berita baik dan yang buruk. Presiden Uganda Yoweri Museveni menyifatkan laporan negatif yang mengusir para pelabur sama seperti tindakan musuh.

Beberapa pemimpin itu berkata semasa media sibuk mahukan tanggungjawab daripada para pegawai kerajaan, pembuat undang-undang dan ahli politik, mereka sendiri "tidak peduli mengenai tanggapan yang mereka bawa kepada masyarakat."

Presiden Tanzania Benjamin Mkapa melahirkan pandangan rendahnya terhadap media kerana mendesak bagi tanggungjawab yang lebih daripada para menteri dan mengadakan kod etika bagi mereka tetapi atas sebab-sebab tertentu, "mereka percaya bahawa kebebasan akhbar adalah mutlak."

"Anda juga patut bertanggungjawab," katanya sambil menekankan bahawa setiap cerita mempunyai dua pihak bagaimanapun hanya sebelah pihak sahaja yang dilaporkan.

Wartawan Financial Times Mark Turner yang bekerja di Uganda berkata media lebih kerap dipersalahkan kerana membuat spekulasi tetapi kadang kala mereka tiada pilihan lain disebabkan sukar untuk mendapatkan akses kepada kakitangan awam.

Mereka menganggap media ini suka melaga-lagakan, katanya.

Seorang wartawan penyiaran berkata sementara berita buruk senang diperolehi, adalah sukar untuk mendapatkan berita yang positif daripada kerajaan dengan segera.

"Jangan tunggu berminggu-minggu lamanya, lantik para pegawai profesional untuk memberikan reaksi segera terhadap berita baik dan mereka terutamanya hendaklah mudah dihubungi selepas waktu pejabat."

-- BERNAMA

MR KHY RON